

TARIKH : 12 OGOS 2022
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 32

JPV, DOSM kumpul data bekalan ayam

JPV, DOSM kumpul data bekalan ayam

Serdang: "Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dan Jabatan Perangkaan (DOSM) dipertanggungjawabkan untuk mengumpulkan data berkaitan bekalan ayam bagi memastikan kawalan keselamatan makanan diuruskan secara teratur," kata Pengerusi Pasukan Jihad Tangani Inflasi Tan Sri Annuar Musa.

"Tanpa data jelas, isu keselamatan makanan tidak dapat diuruskan dengan komprehensif," kata Menteri Komunikasi dan Multimedia itu bahawa ia bagi mengelakkan kerajaan membuat tindakan sementara dan dasar yang tidak tetap.

Annuar berkata, JPV diberi masa seminggu untuk mencadangkan satu corak pengurusan data pengeluaran ayam dan import ayam, selain mesti mempunyai data terkini mengenai rekod import permit bagi mengetahui jumlah import ayam.

"DOSM pula perlu me-



nyediakan Indeks Kos Pengeluaran Ayam secara bulanan dan angka itu akan dijadikan rujukan sebagai penanda aras untuk menentukan harga wajar di peringkat peruncitan dan peringkat jualan," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Pasukan Jihad Tangani Inflasi siri ke-10 di sini, semalam.

Annuar berkata, dasar mengenai import dan eksport ayam bulat termasuk harga minyak masak yang ditetapkan buat masa ini



Penanda aras itu mesti sentiasa ada dan cukup dan tidak boleh dieksport"

Annuar

akan dikekalkan sehingga JPV dan DOSM menguasai pengurusan data dengan lebih teratur.

"Model (pengurusan data) ini boleh diperluaskan kepada barangan makanan lain bagi memastikan kawalan keselamatan makanan lebih teratur berdasarkan pengurusan yang lebih tersusun," katanya.

Annuar berkata, JPV turut bertanggungjawab menentukan jumlah pengeluaran ayam tempatan yang dikategorikan sebagai ayam pedaging dan ayam kuning secara bulanan serta menyediakan unjuran bagi bu-

lan seterusnya.

Beliau berkata, data pengeluaran ayam tempatan perlu diasingkan bertujuan menentukan keperluan bagi kegunaan domestik iaitu tidak kurang daripada 69.6 juta ekor ayam sebulan atau secara puratanya 2.2 juta ekor sehari.

"Dan penanda aras itu mesti sentiasa ada dan cukup dan tidak boleh dieksport. Ayam yang ditanak secara berlebihan untuk eksport juga hendaklah ditentukan jumlahnya," katanya dan menambah bahawa data daripada JPV merangkumi data stok penimbal ayam.

Sementara itu, Annuar berkata, jawatankuasa Pasukan Jihad Tangani Inflasi akan menumpukan kepada pengeluaran barang makanan menerusi program Kebun Komuniti (Kebuniti) dan mengesyorkan beberapa elemen penambahbaikan termasuk pembabitkan pesertanya.